Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SELASA, 24 JANUARI, 1978

'P-raya tak semesti masa ekonomi baik sahaja'

KUCHING, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pilihanraya umum tidak semestinya diadakan kerana kedudukan ekonomi yang baik saja.

"Kita juga akan menimbangkan perkara-perkara lain termasuk perkembangan politik, malah keadaan cuaca juga - hujan, panas dan juga bulan puasa," katanya di satu sidang akhbar di sini sejurus setelah tiba untuk lawatan sehari.

Menjawab satu pertanyaan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan belum mengambil sebarang keputusan bilakah pilihanraya akan datang akan diadakan.

Beliau bagaimanapun berkata, keputusan itu adalah hak Kerajaan

"Dimasa depan, jika orang lain berkuasa di dalam Kerajaan, mereka juga akan mengambil tindakan yang sama seperti yang kita lakukan.

1213 - 1214
884 - 885/80